

30/08/2003

Samad Said serikan Malam Puisi Menara Condong

HUJAN renyai yang membasahi Dataran Menara Condong Teluk Intan pada malam 23 Ogos lalu, tidak sedikit melenturkan semangat pencinta seni tempatan untuk menghayati deklamasi puisi Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr A Samad Said.

SN Dr A Samad mendeklamasikan puisi, Hidup Bersama dan Lidah Dari Rumah Iraq, yang menggambarkan perpaduan masyarakat dalam sebuah negara dan kisah kesengsaraan rakyat Iraq akibat serangan Amerika Syarikat.

Penulis dikejutkan dengan reaksi khalayak yang pada awalnya berteduh di bawah khemah apabila hujan dan kemudian berdiri basah di tengah dataran untuk mendengar kelunakan suara SN Dr A Samad.

Deklamator yang turut mengambil bahagian pada malam itu ialah bekas Ketua Unit Pembangunan Sastera dan Budaya, Berita Harian Sdn Bhd, Sutung Umar RS; Ariff Mohamad (Sekretariat Penulis Muda Gapena), Ijmala MN (Karyawan Perak) dan Zaludin Zakaria (Kelab Penulis Manjung).

Hadirin turut dihiburkan dengan persembahan puisi pelbagai bahasa, persembahan khas dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), diketuai penerima anugerah SEA Write, Lim Swee Tin dan pejuang lagu rakyat, Aripin Said.

Lim dan Flora Liaya Othman mendeklamasikan Demi Angin Kedamaian dan Ceritera Lelaki Pejuang dan disusuli Rin Sudjono (bahasa Indonesia), Norazlinda Ismail (Jerman) dan Diana Doris Athisayamani (Tamil).

Chia Siang Kim mendeklamasikan puisi dalam bahasa Thai, Mazlina Isan dan Norhafiza Ahmad (Mandarin), Yeo Mooi Few (Jepun), Fawwaz Ebau (Arab) dan Teresa Wong Phaik Kuen (Russia).

Persembahan lagu Sepanyol versi My Way, lagu kegemaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disampaikan Radina Mohd Deli dengan iringan petikan gitar mencuri perhatian khalayak.

Tidak ketinggalan, pemuisi cilik, Wan Nurul Zulaika Wan Ahmad Nusi, 11, turut menarik perhatian khalayak ketika mendeklamasikan Di Anjung Kemerdekaan Ini selain khalayak berpeluang menyaksikan Pegawai Daerah Hilir Perak, Zainal Abidin Omar, mendeklamasikan Mentera Anak Wawasan.

Persembahan malam itu tambah bersemangat dengan nyanyian puisi kumpulan Koprata yang melagukan Kekasih, karya SN Allahyarham Datuk Dr Usman Awang dan Masihkah Kau Ingat serta Permata Buat Kau Isteri (Allahyarham Abdul Aziz HM).

Lebih membanggakan apabila papa Rock dari Singapura, Ramli Sarip, sudi hadir bagi menyerikan malam itu dengan lagu, Bukan Kerana Nama, Nyanyian Serambi, Nusantara dan sudah pasti khalayak mengingati usaha Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung cawangan Teluk Intan